

## Prosedur Permohonan Penerbitan

1. Penerbit UniSZA bermatlamat untuk menghasilkan penerbitan yang bermutu dan berdampak. Oleh itu, peluang penerbitan adalah terbuka, khususnya kepada karya ilmiah. Dasar penerbitan UniSZA ialah menerbitkan karya ilmiah hasil penyelidikan dan juga karya lain yang berguna untuk pengajaran dan pembelajaran dalam semua bidang ilmu.
2. Perolehan manuskrip adalah satu konsep apabila sesebuah penerbit menawarkan diri untuk menerbitkan manuskrip yang sesuai dan bermutu. Kesesuaian sesebuah manuskrip tersebut perlu bertepatan dengan dasar editorial penerbitan, bidang tujuhan penerbitan dan kemampuan penerbit. Manuskrip yang bermutu dan berkualiti dinilai dari segi kandungannya, khususnya persoalan atau permasalahan kajian, mutu penulisan dan persembahan karya.
3. Bagi memudahkan penyediaan manuskrip yang sesuai dan layak diterbitkan, konsep karya ilmiah perlu difahami. Selain itu, karya yang ingin diterbitkan mesti sebuah karya asli dan baru berdasarkan suatu penyelidikan yang sah. Kajian tersebut hendaklah membentangkan persoalan kajian baru yang kelihatan jelas memajukan ilmu pengetahuan dalam bidang berkenaan. Ringkasnya, manuskrip yang hendak dikemukakan untuk penerbitan di Penerbit UniSZA adalah karya yang asli, baru dan hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Karya juga perlu ditulis dengan kemas dan bersih.
4. Aspek penting yang perlu dititikberatkan dalam menyediakan karya yang bersih dan kemas adalah dari segi susunan bab, iaitu susunan pembentangan persoalan kajian hingga kepada rumusan atau bab akhir. Penulisan dari segi ayat, perenggan, ejaan, tanda baca, simbol dan rumus hendaklah ditulis dengan kemas. Sistem

dokumentasi seperti membuat petikan, catatan, rujukan dalam teks perlu selaras mengikut gaya pengarang tarikh. Sistem ini juga dikenali dengan jenama *Chicago Style*; atau gaya yang tidak jauh berbeza ialah gaya APA dan Harvard.

5. Penggunaan ilustrasi yang dapat menjelaskan lagi kandungan karya amat dialu-alukan. Oleh itu sediakan bahan ilustrasi dalam bentuk foto, rajah, graf, peta dan jadual yang baik dan kemas. Sampaikan bahan ilustrasi dalam ukuran yang sesuai dengan terbitan dan dalam mutu yang baik.
6. Dua salinan manuskrip bercetak dan satu salinan fail elektronik (*softcopy*) hendaklah diserahkan kepada pejabat penerbit. Ilustrasi dan jadual juga hendaklah disertakan dalam fail elektronik yang berasingan.
7. Borang-borang yang perlu diisi untuk permohonan penerbitan dengan penerbit UniSZA adalah seperti berikut:
  - a. Borang Permohonan Penerbitan  
Kod: UniSZA-PT02-PK05-BR001
  - b. Borang Maklumat Pengarang  
Kod: UniSZA-PT02-PK05-BR002